

KERTAS BIL. 36/2020



**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG KERAJAAN
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC)
BERKAITAN
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSNS)**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2018	2
4	Hasil Lawatan	8
5	Hasil Perbincangan Bersama Y.B. EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan	10
6	Penemuan Jawatankuasa	12
7	Syor Jawatankuasa	13
8	Perakuan	14
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	15
	Urus setia	15
	Lampiran I (Gambar Lawatan)	17

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR (MSNS)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68(1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan (PAC) dan menurut Peraturan Tetap 76(1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata berkaitan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020.

Ahli-Ahli Jawatankuasa PAC bagi tahun 2020 terdiri daripada:

- | | |
|---|-----------|
| 1) Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2) Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5) Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 7) Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jawatankuasa PAC telah membuat semakan dan penelitian ke atas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2018 berkaitan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Jabatan yang disepakati untuk disiasat ialah Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS).

- 2.2 Jawatankuasa telah sepakat membuat lawatan tapak ke Kompleks Sukan SUKSES di Seksyen 6, Shah Alam dan ke Akademi Bola Sepak Merah Kuning (ABSMK) di Sungai Buloh pada 28 Ogos 2020 (Jumaat) jam 9 pagi.
- 2.3 Objektif penelitian dan lawatan ini dilakukan adalah bagi mengenal pasti masalah dan cabaran pengurusan aktiviti yang dihadapi oleh MSNS seperti terdapat dalam teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 2 Tahun 2018. Isu-isu yang dibangkitkan adalah mengenai pengurusan aktiviti dan tadbir urus.
- 2.4 Hasil dapatan dan laporan ini dirumuskan daripada sesi pendengaran tertutup, lawatan dan dialog bersemuka Jawatankuasa PAC bersama EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Jabatan Audit Negara Negeri Selangor, dan MSNS, secara berperingkat. Kemudahan portal AG's *Dashboard* Jabatan Audit Negara di laman sesawangnya turut dimanfaatkan Jawatankuasa PAC bagi memudahkan rujukan penyiasatan.

3. PENEMUAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) SIRI 2 TAHUN 2018

Berikut merupakan jadual bagi penemuan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) terhadap isu MSNS di AG's *Dashboard* beserta maklum balas terkini MSNS.

BIL	ISU	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS MSNS
1.	Pencapaian Kewangan	Mengikut Garis Panduan bagi Penyediaan Anggaran Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri Selangor, cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat berdasarkan strategi perbelanjaan secara berhemat. Perkara ini bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pembaziran.	Unit Kewangan memaklumkan lebih perbelanjaan berjumlah RM4.99 juta telah menggunakan baki peruntukan pada tahun 2017. Lebih perbelanjaan pada tahun 2018 antaranya disumbangkan oleh bayaran bantuan latihan atlet, bayaran bantuan kejurulatihan dan perbelanjaan persediaan

		<p>MSNS telah menyediakan anggaran perbelanjaan berdasarkan keperluan aktiviti utamanya. Bagi tahun 2016 hingga 2018, MSNS telah menerima peruntukan berjumlah RM29.57 juta. Peruntukan ini digunakan untuk penyaluran bantuan kewangan dan teknikal, gaji jurulatih serta keperluan peralatan kepada persatuan sukan negeri dan atlet. Bagaimanapun, MSNS tidak menetapkan had peruntukan bagi setiap jenis sukan.</p> <p>Pencapaian perbelanjaan Program Pembangunan Sukan pada tahun 2016 adalah cekap berdasarkan peratusan perbelanjaan sebanyak 91.4%. Bagi tahun 2017 pula, prestasi perbelanjaan ialah 78.7% iaitu lebih rendah berbanding tahun 2016. Pada tahun 2018, MSNS telah berbelanja sebanyak RM11.99 juta berbanding peruntukan berjumlah RM7 juta. Ini menunjukkan lebihan perbelanjaan sejumlah RM4.99 juta atau 71.3%.</p>	SUKMA yang melebihi anggaran asal yang diluluskan.
2.	Pengurusan Atlet	<p>Merujuk Arahan Perbendaharaan 103(a) pula, Ketua Jabatan hendaklah memastikan bil dibayar dengan segera tidak lewat 14 hari daripada tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna oleh Unit Kewangan. Berdasarkan</p>	Kelewatan pembayaran disebabkan oleh laporan latihan atlet yang dikemukakan oleh persatuan sukan negeri tidak lengkap. Oleh itu, berlaku <i>pending</i> dan <i>floating</i> di Bahagian Pembangunan Sukan

		<p>Deskripsi Tugas Jurulatih, pelan latihan harian, mingguan dan bulanan perlu disediakan dan dikemukakan bersama borang permohonan tuntutan kepada Unit Kewangan.</p> <p>Elaun latihan atlet telah dibayar mengikut jadual kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati elauan latihan atlet bagi 13 jenis sukan yang melibatkan 229 atlet lewat dibayar antara 15 hingga 211 hari dari tarikh bil diterima. Elauan latihan tersebut melibatkan 261 baucar bayaran bernilai RM364,640.</p>	<p>sehingga laporan baru atau pembetulan diterima. Pihak MSNS telah mengambil inisiatif untuk berhubung dan memohon semula maklumat yang lengkap kepada pihak terlibat.</p>
3.	Pusat Latihan Bola Keranjang	<p>Mengikut piawaian FIBA Guide to Basketball Facilities 2009, Chapter 3 Floor Types and Game Equipment menetapkan lantai yang digunakan hendaklah mempunyai keanjalan atau elastik seperti kayu, getah dan polyvinyl chloride (PVC). Lantai yang terlalu keras boleh menyebabkan kecederaan kepada ligament pada lutut dan buku lali.</p> <p>Lima (5) atlet bola keranjang lelaki telah mengalami kecederaan lutut dan buku lali pada tahun 2018. Ini disebabkan lantai di pusat latihan bola keranjang lelaki diperbuat daripada simen. Lantai simen yang tidak bersifat elastik boleh mendatangkan kecederaan</p>	<p>Pemilihan Pusat Rekreasi Batu 11 Cheras sebagai pusat latihan bola keranjang lelaki oleh Persatuan Bola Keranjang Selangor adalah kerana pusat ini dapat digunakan secara percuma. Pemilihan pusat latihan bergantung kepada pihak persatuan sukan negeri dan terdapat persatuan sukan negeri yang tidak mempunyai dana khusus untuk bayaran sewaan gelanggang atau premis latihan. Ini menyebabkan persatuan sukan negeri terpaksa mencari premis latihan yang tidak berbayar. Selain itu, lokasi pusat latihan yang berdekatan dengan atlet</p>

		kepada atlet semasa menjalani latihan.	juga antara faktor pemilihan gelanggang.
4.	Pusat Latihan Gimrama	Pemeriksaan di Dewan Gimnastik Seksyen 6 Shah Alam yang ditadbir urus oleh Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM) mendapati pusat latihan atlet gimrama berkongsi dengan gelanggang badminton. Pihak Audit juga mendapati sebahagian lantai dalam Dewan Gimnastik telah rosak seperti parquet tercabut serta kebocoran pada bumbung bumbung. MSNS didapati tidak mempunyai kawalan ke atas penggunaan gelanggang oleh orang awam disebabkan kawalan keselamatan dan penyenggaraan dewan diuruskan oleh DEFM .	DEFM tidak lagi menjadi pengurus fasiliti Dewan Gimnastik di Kompleks Sukan Seksyen 6 bermula pada tahun 2019. DEFM telah melaksanakan penyerahan penuh aset kepada Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan dimaklumkan diuruskan oleh MSNS. Status pengambilalihan semula Kompleks Sukan SUKSES masih dalam proses penyediaan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum diangkat ke MMKN bagi kelulusan. Perkara ini dijangka selesai selewat-lewatnya penghujung tahun 2019.
5.	Asrama Pusat Latihan	Pemeriksaan di asrama Pusat Latihan Angkat Berat Batu 18 Hulu Langat yang diuruskan oleh Persatuan Angkat Berat Selangor mendapati katil tidak mencukupi dan lokar tidak disediakan untuk atlet. Hanya satu (1) katil dua tingkat disediakan untuk tiga (3) atlet lelaki yang menginap di asrama tersebut. Pihak Audit juga telah menjalankan pemeriksaan di asrama Pusat Latihan Sukan Layar Batu Laut Laut, Kuala	MSNS tidak mempunyai peruntukan bagi menyediakan kemudahan asrama bagi semua jenis sukan. Asrama sukan angkat berat merupakan inisiatif dan usaha persatuan sukan negeri untuk atlet berlatih secara sepenuh masa. Begitu juga bagi kemudahan asrama seperti katil, tilam serta lain-lain peralatan untuk sukan layar disediakan oleh pihak persatuan

		<p>Langat yang diuruskan oleh Persatuan Perahu Layar Negeri Selangor. Pemeriksaan tersebut mendapati ruang asrama yang terhad menyebabkan katil dua tingkat disusun terlalu rapat sehingga tiada ruang yang selesa untuk atlet bergerak. Selain itu, lampu tidak berfungsi dan langsin tidak dipasang untuk keselesaan atlet. Katil besi yang tidak digunakan juga disusun dalam ruang asrama.</p>	<p>berdasarkan peruntukan yang ada untuk kegunaan atlet.</p> <p>MSNS tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan penyenggaraan asrama. MSNS hanya memberi bantuan bagi membayar utiliti dan makanan tambahan kepada atlet sukan angkat berat manakala tiada peruntukan untuk penyenggaraan asrama sukan layar.</p>
6.	Penggunaan dan Penyimpanan Peralatan Sukan	<p>Pemeriksaan di Pusat Latihan Sukan Layar mendapati perahu layar yang disimpan dalam bangunan asrama berselerak dan tidak teratur. Peralatan ini juga disimpan bersekali dengan katil besi dan tilam yang dijadikan alas penyimpanan perahu layar. Selain itu, peralatan layar, perahu, aksesori pakaian seperti jaket keselamatan dan sailing pant bernilai RM175,207 masih belum digunakan sejak ia dibeli pada tahun 2018. Peralatan tersebut hanya diletakkan di atas lantai dan tidak disimpan dengan teratur. Selain itu, persatuan tidak melaksanakan susunan yang lebih teratur, kemas dan praktikal bagi mengelakkan peralatan rosak dan tidak boleh digunakan.</p> <p>Pemeriksaan selanjutnya di pusat latihan angkat berat</p>	<p>Ruang penyimpanan peralatan dan aksesori layar di pusat latihan adalah terhad. Bagaimanapun, MSNS memaklumkan mesyuarat bersama persatuan sukan negeri telah diadakan pada 11 April 2019 bagi memastikan persatuan mengambil tindakan mengemas dan menyusun semua peralatan dengan lebih sistematik untuk keselamatan dan jangka hayat peralatan.</p> <p>Pasukan angkat berat masih menggunakan semua peralatan tersebut untuk latihan. MSNS telah membeli peralatan latihan bagi sukan angkat berat pada tahun 2016. Buat masa</p>

		<p>mendapati discs yang masih digunakan oleh atlet semasa latihan telah pecah dan rosak. Bar yang telah berkarat dan platform yang telah rosak turut ditempatkan dalam kawasan latihan tersebut. Pihak Audit dimaklumkan bahawa meja yang ada di pusat latihan tersebut dibuat sendiri oleh atlet bagi menampung bebanan semasa pemasangan disc.</p>	<p>ini, tiada pembelian peralatan latihan untuk sukan angkat berat kerana MSNS juga memberi tumpuan untuk membeli peralatan sukan lain yang berskala besar berikutan peruntukan yang terhad.</p>
7.	Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan	<p>Pekeling Perbendaharaan PK 4.1 Bab 5 berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan agensi hendaklah memantau pelaksanaan kemajuan kerja oleh kontraktor dilantik. Agensi hendaklah memastikan tindakan diambil untuk mengelakkan berlakunya kelewatan penyiapan kerja.</p> <p>Empat (4) kerja berjumlah RM1.81 juta telah disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan dengan kelewatan antara 37 hingga 168 hari. Bagaimanapun, tiada denda lewat dikenakan bagi kesemua empat (4) kerja tersebut memandangkan tiada klausa pengenaan denda dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.</p> <p>Semakan mendapati kontrak kerja menaik taraf padang bola sepak Akademi Bola Sepak Merah Kuning (ABMK) bernilai RM269,215 telah ditamatkan pada 16 November 2018.</p>	<p>Audit telah mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit dengan menyatakan komitmen untuk menambah klausa berkaitan denda terhadap kontraktor yang memungkiri kontrak. Di samping itu, kekurangan peruntukan menyebabkan kerja-kerja membaikpulih padang ABMK tidak dapat diteruskan.</p>

		<p>Penamatkan tersebut adalah disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan walaupun telah diluluskan lanjutan masa sebanyak empat (4) kali selama 238 hari. Setakat tarikh lawatan Audit pada bulan Januari 2019, tiada pelantikan kontraktor baru bagi menyiapkan kerja tersebut.</p>	
--	--	---	--

Sehingga 10 September 2020 didapati semua penemuan melibatkan MSNS di dalam AG's Dashboard telah bertukar menjadi hijau.

4. HASIL LAWATAN

Jabatan yang terlibat: Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)

- i) Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi Pengarah Eksekutif merangkap Setiausaha Lembaga Pengurusan MSNS
- 4.1 Jawatankuasa mengambil maklum Kompleks Sukan SUKSES Seksyen 6, Shah Alam ditadbir urus oleh Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM). Walaupun bangunan kompleks baru diserah kepada MSNS, tetapi MSNS tidak menerima peruntukan daripada DEFM dan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan.
- 4.2 Pusat rawatan atlet dipaksa tutup semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) kerana MSNS tidak mampu membeli peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan membekalkan perkhidmatan seperti urut dan fisioterapi yang memerlukan kos tinggi. Pusat rawatan atlet berkongsi dengan pusat gim dan peralatan latihan masih dalam keadaan yang baik.
- 4.3 Jawatankuasa mengambil maklum pada tahun 2018, kerja-kerja membaikpulih padang bolasepak B di ABSMK gagal disiapkan walaupun kelulusan lanjutan masa telah diberikan sebanyak empat (4) kali atas faktor masalah laluan masuk, masalah cuaca, masalah pembekal rumput dan masalah pemasangan jaring dan pagar. Justeru itu, satu surat penamatkan kontrak kerja kepada Anjung Rimbun telah dikeluarkan dan penamatkan tersebut berkuatkuasa pada 16 November 2018.

- 4.4 Surat makluman kejadian tanah runtuh pada 10 November 2018 telah dikemukakan kepada pihak MBSA dan JKR untuk tindakan lanjut. MNSN juga telah berhubung dengan Pejabat Tanah Daerah bagi mengesan pemilik tanah tersebut dan mendapati tanah adalah *reserve* milik Kerajaan Negeri. Walaupun MSNS telah melaporkan kejadian tanah runtuh kepada MBSA, JKR dan Pejabat Tanah Daerah tetapi tiada tindakan lanjut daripada pihak berkaitan.
- 4.5 Jawatankuasa juga mengambil maklum suatu memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara MSNS dan Persatuan Bolasepak Melayu Selangor (PBMS) atau dahulunya dikenali sebagai Selangor United dan perjanjian penyerahan pengurusan dan penyelenggaraan ABSMK telah diadakan pada 29 Ogos 2019. Perjanjian ini berkuatkuasa pada 1 September 2019 sehingga 31 Ogos 2029 iaitu bagi tempoh sepuluh (10) tahun.
- 4.6 Pada 29 Jun 2020, pihak PBMS telah mengemukakan surat penarikan diri dari mengurus dan menyelenggara ABSMK disebabkan wabak Covid-19 dan PKP telah memberi kesan kepada mereka dalam menguruskan KABSMK. Justeru itu, atas nasihat peguam, pihak MSNS telah mengemukakan Notis Kemungkiran bertarikh 24 Julai 2020 kepada pihak PBMS kerana tiada klausa dalam perjanjian yang menyatakan pihak PBMS boleh menarik diri atas sebab yang diberikan.
- 4.7 Sehubungan itu, PBMS telah memberi maklumbalas Notis Kemungkiran dengan bersetuju untuk meneruskan Pengurusan dan Penyelenggaraan ABSMK serta menjelaskan semua tunggakan. Pihak PBMS turut memohon untuk menjalin kerjasama dengan pihak ketiga iaitu Cyberlynx International College (Cyberlynx) bagi mengurus dan menyelenggara ABSMK. Kini, MSNS sedang berbincang dan menunggu keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga berkenaan permohonan pihak PBMS tersebut.
- 4.8 Jawatankuasa mengambil maklum buat masa ini ABSMK dikosongkan dan terbiar sejak Mac 2020 kerana pasukan bola sepak telah dibubarkan memandangkan kesan ekonomi Covid-19 dan PKP kepada MSNS.
- 4.9 Jawatankuasa mendapati beberapa isu yang perlu dibaikpulih seperti berikut (Lampiran 1):
 - 4.9.1 Kebocoran pada bumbung-bumbung di dewan gim dan silat serta pusat latihan gimrama.

- 4.9.2 Sebahagian lantai dalam pusat latihan atlet gimrama yang berkongsi dengan gelanggang badminton dan sepak takraw telah rosak seperti parquet tercabut kerana lantai kayu tersebut telah lama dipakai sejak tahun 1970 dan dimakan oleh anai-anai.
- 4.9.3 Dinding dan siling di pusat latihan gimnastik telah berkulat. Kulat di dinding dan siling biasanya berlaku akibat persekitaran yang lembab akibat kebocoran bangunan atau sistem pengudaraan yang tidak lancar. Ini bukan sahaja membuat keadaan di pusat latihan atlet menjijikkan tetapi sebenarnya ia mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada kesihatan seperti batuk, asma dan masalah pernafasan.
- 4.9.4 Lantai pusat gim di dewan latihan silat tidak mempunyai karpet getah. Lantai yang terlalu keras boleh meningkatkan risiko kecederaan atlet dan menyebabkan kecederaan kepada *ligament* pada lutut dan pinggang belakang serta kerosakan lantai.
- 4.9.5 Peralatan latihan gim di dewan latihan silat merupakan peralatan yang lama tetapi masih boleh digunakan oleh atlet silat. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mendapati plat berat (*weight lifting plates*) telah berkarat dan perlu dicat semula.
- 4.9.6 Pagar di padang bola sepak ABSMK telah runtuh dan perlu dibaikpulih.
- 4.9.7 Rak letak barang/kasut di bilik asrama telah patah dan harus diganti.
- 4.9.8 Kebocoran pada bumbung di penghawa dingin mengakibatkan kerosakan pada karpet.

5. HASIL PERBINCANGAN BERSAMA Y.B. EXCO PEMBANGUNAN GENERASI MUDA & SUKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- 5.1 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kawasan tanah runtuh di ABSMK adalah di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Peruntukan yang besar juga diperlukan bagi menyelesaikan masalah tanah runtuh.

- 5.2 Memandangkan kerjasama di antara MSNS dan Persatuan Bolasepak Melayu Selangor (PBMS) dan Cyberlynx International College (Cyberlynx) baru bermula, Y.B. EXCO mencadangkan agar Jawatankuasa memberi masa dan peluang kepada Cyberlynx untuk mengurus dan menyelenggara ABSMK di bawah pemantauan Kerajaan Negeri.
- 5.3 Jawatankuasa mengambil maklum aset sukan Kompleks Sukan SUKSES di Seksyen 6, Shah Alam ditadbir urus oleh DEFM, anak syarikat Menteri Besar Incorporated (MBI) atas keputusan MB Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim. Pengurusan bangunan kompleks tersebut baru diserahkan kepada MSNS, tetapi MSNS tidak menerima peruntukan daripada DEFM dan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan. Kerajaan Negeri tidak boleh memberi peruntukan bagi tujuan tersebut kerana aset sukan bukan tadbir urus MSNS. MSNS hanya bertanggungjawab dalam pembangunan program.
- 5.4 Jawatankuasa juga mengambil maklum MSNS tidak mempunyai sebarang sumber ekonomi dan mempunyai hutang operasi sebanyak RM20 juta. Sehubungan itu, Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) bersetuju untuk mewujudkan Tabung Amanah Sukan untuk mendapatkan sumbangan dan dana yang dijangka diperoleh daripada caj pembangunan dan *Public Private Partnership*.
- 5.5 Ahli Lembaga Pengarah (ALP) DEFM adalah seperti berikut:
- i) Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Pengerusi)
(Dato' Menteri Besar Selangor)
 - ii) Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron
(Pegawai Kewangan Negeri)
 - iii) Encik Ashraf bin Asnan
(Ketua Pembangunan dan Perancangan Hartanah)
 - iv) Encik Mohd Sabri bin Md Shariff
(Ketua Teknikal dan Pengurusan Bangunan)

5.6 Ahli Lembaga Pengarah MSNS adalah seperti berikut:

- i) YB Tuan Khairuddin bin Othman (Pengerusi)
- ii) YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya
- iii) YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi
- iv) YB Dato' Nor Azmie bin Diron
- v) YBrs. Tuan Hj Izmi bin Ismail
- vi) YBrs. Tuan Hasnata bin Hasan
- vii) YBhg. Dato' Abdul Hamid bin Hussain
- viii) YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim
- ix) YB Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusoff
- x) YBhg. Tuan Abbas Salimmi bin Dato' Che Adzmi@Azmi
- xi) Encik Venu Ramadass
- xii) Tuan Haji Adzahar bin Derani
- xiii) Encik Mustaza bin Ahmad
- xiv) Encik Francis SP Loh
- xv) Encik Ahmad Khawari bin Isa
- xiv) Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1 Jawatankuasa mendapati hasil lawatan ke Kompleks Sukan SUKSES di Seksyen 6, Shah Alam dan ke ABSMK di Sungai Buloh masih tiada penambahbaikan sejak ditegur oleh Jabatan Audit Negara dalam LKAN Siri 2 Tahun 2018.

- 6.2 Jawatankuasa mendapati penyelenggaraan Kompleks SUKSES oleh kedua-dua DEFM dan MSNS adalah tidak memuaskan. Ini berkemungkinan disebabkan berlaku jurang komunikasi di antara kedua-dua pihak.
- 6.3 Jawatankuasa mendapat pihak pengurusan MSNS perlu berada di dalam Lembaga Pengurus DEFM untuk memastikan penyelenggaraan fasiliti dan aset sukan terutamanya Kompleks SUKSES adalah berada pada tahap yang terbaik dan kondusif untuk para atlet berlatih.
- 6.4 Jawatankuasa mendapati Akademi Bola Sepak Merah Kuning tidak dimanfaatkan sepenuhnya pada masa ini, sedangkan ia mempunyai potensi yang besar untuk menjadi hab kelahiran bakat muda bola sepak.

7. SYOR JAWATANKUASA

- 7.1 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan dana yang secukupnya kepada MSNS supaya MSNS dapat mencapai pencapaian yang cemerlang dalam semua kejohanan yang disertai dan bagi memastikan para atlet berlatih dalam keadaan yang selamat dan tidak mendatangkan kecederaan pada mereka.
- 7.2 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menyerahkan kembali aset sukan Kompleks Sukan SUKSES di Seksyen 6, Shah Alam kepada MSNS bersama peruntukan yang sewajarnya memandangkan MSNS lebih memahami keperluan dan kaedah untuk menjaga dan menyelenggara aset dan fasiliti sukan.
- 7.3 Jawatankuasa mencadangkan agar Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan (Y.B. EXCO) dilantik sebagai Pengerusi ALP DEFM. Ini adalah bersesuaian dengan portfolio Y.B. EXCO yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sukan, di mana pengurusan fasiliti-fasiliti sukan adalah merupakan satu aspek penting. Selain itu, Pengarah Eksekutif MSNS juga wajar dilantik menjadi sebahagian ALP DEFM, di samping pihak profesional lain yang mahir dalam bidang pengurusan fasiliti sukan.
- 7.4 Jawatankuasa menyeru Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu blueprint komprehensif terhadap pelan pembangunan dan operasi Kelab Akademi Bola Sepak Merah Kuning agar ia menjadi *self-sustaining* dan mencapai objektif penubuhannya.

8. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Account Committee - PAC*). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Account Committee - PAC*) dalam mesyuarat jawatankuasa Bil. 9/2020 pada 18 September 2020.

Disahkan oleh:

.....
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan
(*Public Account Committee - PAC*)
Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2020

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Account Committee - PAC*):

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Nurul Liana Bt Musa
Pembantu Tadbir (Dewan)
- iv) Cik Cheah Sheue Chyi
Penyelidik Pejabat Speaker

- v) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Penyelidik Pejabat Speaker
- vi) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail
Penyelidik Pejabat Speaker

LAMPIRAN 1







